

# Amalan komunikasi korporat perkasa kemahiran insaniah mahasiswa



NST 10.5.2019 12 AHLI Panel bersama AJK Dialog rakam album kenangan.

**KEMAHIRAN insaniah (KI) graduan** adalah antara perkara yang sering dikaitkan sebagai pelengkap kepada ijazah sarjana muda yang diperolehi oleh seseorang graduan bagi membolehkan mereka berpeluang cerah untuk mendapat pekerjaan. Begitu hebatnya pengaruh KI ini menyebabkan ramai pengkaji membuat sorotan literatur yang dapat menjelaskan mengenai definisi KI.

Salah satu daripada dapatan menyebut bahawa KI bukan sekadar kemahiran generik yang dapat dilihat secara fizikal melalui kemahiran interpersonal, tetapi juga terkandung dalam aspek kemanusiaan, kerohanian dan spiritual melalui kemahiran intrapersonal seseorang. Sumber kajian juga menjelaskan bahawa KI merangkumi unsur-unsur yang boleh dilihat, diukur dan dinilai melalui percakapan, tindakan dan tingkah laku seseorang. Disamping itu, KI juga terdiri daripada sikap dan kebolehan yang boleh dibina dan dibentuk menjadi personaliti dalam diri seseorang.

Berdasarkan maksud KI ini maka bakal majikan pastinya dapat mengesan KI seseorang itu menerusi sesi temu duga yang dikendalikan. Kebiasaannya mengajukan soalan pelik yang mencabar menjadi kegemaran penemu duga. Untuk menjawab soalan seumpama ini, seseorang itu bukan sahaja perlu memberikan jawapan yang berasas dan berfakta, malah mempunyai unsur-unsur jawapan di luar kotak pemikiran. Kebolehan menunjukkan bahasa badan yang meyakinkan juga mampu menyokong jawapan yang diberikan itu.

Dalam hal ini, KI yang berkaitan adalah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Selain itu, dalam sesi temu duga seseorang itu turut diuji dengan soalan atau kes yang memerlukan mereka menunjukkan kemahiran kerja berpasukan, dan kemahiran kepimpinan. Lain-lain KI yang turut ditekankan oleh bakal majikan adalah kecenderungan meningkatkan ilmu menerusi pembelajaran berterusan dan kecakapan berkaitan pengurusan maklumat, serta kefahaman dan kepatuhan kepada etika dan nilai profesional yang ada pada seseorang itu.

Persoalannya, adakah semua KI ini dapat dipelajari dan terbentuk dalam diri mahasiswa menerusi kehadiran ke bilik-bilik kuliah saban waktu? Jawapan yang mungkin adalah sebahagian KI dapat dikuasai teorinya tetapi tidak pula secara praktiknya. Dengan kata lain, KI yang ingin dibentuk dengan pembelajaran bilik kuliah itu tidak berlaku selagi tidak dilakukan praktikalnya.

Justeru, langkah para pensyarah memberikan tugas-tugas berkumpulan kepada para pelajar adalah suatu usaha yang sangat bersesuaian dalam membina KI pelajar. Sekiranya, relevan dengan kursus atau topik yang diajar, tugas yang mengkehendaki kumpulan pelajar melakukan aktiviti bersama masyarakat mungkin antara yang paling sesuai. Apatah lagi jika aktiviti yang dirancang diterjemahkan dalam aktiviti yang berkonsepkan tanggungjawab sosial universiti.

Sebagai contoh, dalam kursus Komunikasi Korporat di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS umpamanya, para pelajar diminta untuk membentuk kumpulan-kumpulan yang akan mengenalpasti projek tanggungjawab sosial universiti yang mudah untuk mereka laksanakan dalam tempoh masa tertentu. Interaksi berlaku dalam proses membentuk kumpulan, merancang projek, melawat organisasi dan berurusan dengan pihak yang akan dijadikan tumpuan kepada projek tanggungjawab sosial universiti. Matlamat jangka pendeknya adalah untuk menjadikan para pelajar ini berani berkomunikasi. Manakala, matlamat jangka panjangnya pula ialah untuk membentuk KI berteraskan kepada tujuh elemen yang telah disebutkan sebelumnya.

Selain menerusi aktiviti kuliah, KI juga dapat dibentuk menerusi penglibatan aktif para pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum. Pemerkasaan KI turut berlaku menerusi program-program di bawah bidang kuasa Jabatan Hal Ehwal Pelajar menerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS), Kelab-Kelab dan Persatuan-Persatuan pelajar di Fakulti, Pusat dan Institut. Semasa mengurus sesuatu program itu, para pelajar mungkin tidak sedar bahawa keberkesanan melaksanakan program itu hanya akan tercapai jika mereka melakukan amalan-amalan komunikasi korporat yang betul yang akan membentuk KI dalam diri mereka. Komunikasi korporat berasal dari gabungan dua perkataan yang

mempunyai makna tersendiri iaitu "komunikasi" dan "korporat." Komunikasi secara ringkasnya boleh ditakrifkan sebagai suatu hubungan secara langsung menggunakan perantaraan yang berlaku menerusi kaedah intrapersonal, interpersonal, berkumpulan, organisasi, khalayak atau orang awam, silang budaya dan berasaskan teknologi.

Komunikasi intrapersonal merujuk kepada aspek hubungan dalaman diri iaitu bagaimana seseorang itu dapat memahami diri sendiri dan seterusnya berusaha bagi mempertingkatkan kualiti diri. Kemampuan berfikir, mengawal emosi, membina nilai diri, mengawal kemarahan dan membina kekuatan diri adalah aspek yang dimaksudkan yang akhirnya mencorak diri seseorang. Kemampuan menguasai diri, yakni mengawal hubungan intrapersonal, membolehkan seseorang itu menunjukkan kematangan dalam berfikir dan melakukan tindakan.

Komunikasi interpersonal pula merujuk kepada hubungan yang berlaku di antara dua orang. Keupayaan mengurus tingkah laku dan mengawal pemikiran dan emosi ketika berinteraksi dengan orang lain adalah aspek penting dalam membina kecakapan berkomunikasi dan memegang tanggungjawab sosial sebagai pemimpin dan anggota masyarakat.

Komunikasi berkumpulan melibatkan komunikasi dengan lebih dari seorang, sepertimana yang berlaku dalam aktiviti berkumpulan. Dalam aktiviti percambahan minda berkumpulan umpamanya, para pelajar memberikan respon, memberikan pendapat dan idea, memberi pandangan dan cadangan bagi aktiviti yang mereka lakukan dalam kumpulan. Proses yang berlaku ini menyuburkan budaya pemikiran yang kreatif dan kritikal sekaligus menghasilkan keputusan yang baik dan berkesan.

Komunikasi dalam organisasi biasanya dikaitkan dengan komunikasi yang berlaku di berlain jabatan atau pejabat dalam sesebuah organisasi. Komunikasi ini juga melibatkan komunikasi dengan orang bawahan dan komunikasi dengan pihak atasan. Selain itu, terdapat juga komunikasi organisasi berbentuk horizontal yang melibatkan pegawai dengan pegawai dari berlain jabatan. Komunikasi diagonal pula bermaksud komunikasi antara pelbagai pihak yang berbeza status atau pangkat jawatan dalam organisasi. Pendek kata, komunikasi dalam organisasi melibatkan empat arah yang berbeza.

Komunikasi dengan khalayak pula berlaku dalam konteks hubungan yang diadakan dalam sesuatu majlis, forum dan seumpamanya. Apabila seseorang memberikan ucapan, dia secara langsung berkomunikasi dengan sekumpulan orang, yakni khalayak atau audien. Respon audien berlaku dalam bentuk lisan mahupun bukan lisan atau bahasa badan.

Komunikasi berasaskan teknologi pula kian popular dan sering menjadi pilihan utama dalam menjalin hubungan perniagaan dan sosial. Antara mekanisme komunikasi berasaskan teknologi yang biasa kita dengar ialah whatsapp, twitter, telegram, E-mail dan lain-lain lagi. Namun demikian, cabaran menangani komunikasi berasaskan teknologi inilah yang paling getir cabarannya. Golongan belia dan remaja termasuklah mahasiswa perlu bijak dan lebih bertanggungjawab menggunakannya.

Perkataan "Korporat" pula adalah perlambangan kepada sebuah entiti mahupun sebuah jawatankuasa yang mewakili sesebuah organisasi. Entiti inilah yang dijaga atau diangkat reputasinya menggunakan pendekatan komunikasi yang betul. Justeru, bolehlah disimpulkan bahawa komunikasi korporat itu sebagai suatu wadah yang menjamin pembentukan KI jika amalan-amalan komunikasi yang dimaksudkan difahami, dituruti dan dilakukan dengan baik.

Ringkasnya, amalan komunikasi korporat di era digital perlu diurus dengan bersandarkan aspek keperibadian dan aspek kemahiran berkumpulan. Di dalam dua aspek inilah terkandungnya bentuk kemahiran insaniah yang akan memantapkan cara berfikir dan bertindak menangani sesuatu perkara. Hakikatnya, universiti adalah medan terbaik dan sandaran harapan menghasilkan tenaga profesionalisme yang menjadi kumpulan pemimpin dalam pelbagai bidang dan sektor di masa hadapan. Mendalami ilmu berkaitan amalan komunikasi korporat yang betul mampu merealisasikan harapan



DR JAKARIA bersama Dr Norhuda kongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai Komunikasi Korporat dan Etika.

menghasilkan graduan yang perkasa kemahiran insaniahnya.

Perkongsian mengenai amalan komunikasi korporat ini telah dibicarakan oleh Dr Jakaria Dasan dalam Dialog bertajuk "Komunikasi Korporat dalam Memperkasakan Kemahiran Insaniah Mahasiswa" yang dianjurkan baru-baru ini oleh Exco Publiciti dan Kewartawanan, Majlis Perwakilan Pelajar UMS yang dipengerusikan oleh Norcikeyun Samuni bersama Yudhistra Subramaniam. Dialog tersebut turut mengundang Dr Norhuda Salleh, Pensyarah Komunikasi dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS. Hadir sama, En Harun Tambiri, Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS. Oleh JAKARIA DASAN, PHD.